

19/06/2002

Sulaiman umum hasrat undur diri

KUALA LUMPUR, Selasa - Tokoh veteran Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, hari ini mengumumkan hasratnya untuk tidak mempertahankan jawatan Pengerusi Tetap Umno apabila tempoh perkhidmatannya berakhir tahun depan.

"Saya berjalan pun susah, patut ganti orang baru menjelang 2003," katanya pada majlis pelancaran buku biografinya berjudul `Tun Sulaiman Ninam Shah - Pengerusi Tetap Umno' yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Sulaiman berkata sudah tiba masa dia mengundur diri setelah menyandang jawatan itu selama 27 tahun.

"Saya berusia 83 tahun, mata dan telinga dah kurang lihat dan dengar. Apabila habis tempoh menjelang 2003, gantilah dengan orang lain. Ramai tokoh muda yang boleh ambil alih," katanya.

Beliau adalah Pengerusi Tetap Umno ke-11 dan mencatat sejarah sebagai orang paling lama menyandang jawatan itu.

Katanya, beliau mengambil masa kira-kira tiga tahun untuk menyiapkan buku itu kerana tiada rekod dalam simpanan Umno atau tempat lain mengenai sejarah pengerusi tetap.

"Boleh dikatakan semua pengerusi tetap terdahulu sudah meninggal dunia melainkan saya," katanya yang sentiasa mendapat perhatian pada setiap kali perhimpunan agung Umno kerana sering membuat usikan bersahaja hingga perwakilan tidak gering gusi.

Sulaiman turut mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd yang menerbitkan buku itu serta bantuan Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad yang sama-sama membantu menyiapkan buku itu.

(END)